



Alamat : **Bahagian Komunikasi Strategik,**  
**Aras 18, Blok C,**  
**Ibu Pejabat**  
**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,**  
**No. 2, Lebuh Wawasan, Presint 7,**  
**62250 Putrajaya**  
Tel. : **03-8870 0015**  
E-mel : [komunikasi@sprm.gov.my](mailto:komunikasi@sprm.gov.my)  
Web : [www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)  
Twitter : [twitter.com/SPRMMalaysia](https://twitter.com/SPRMMalaysia)  
Facebook: [facebook.com/sprm.benci.rasuah](https://facebook.com/sprm.benci.rasuah)  
Youtube : [www.youtube.com/odvmacc](https://www.youtube.com/odvmacc)

# KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

## PENYELEWENGAN DANA 1MDB: SPRM GIAT SIASAT PENGLIBATAN INDIVIDU DI LUAR NEGARA

Merujuk kepada dakwaan laporan sebuah portal berita berhubung siasatan melibatkan beberapa individu di Kuwait berkaitan isu penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) baru-baru ini, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ingin menjelaskan bahawa siasatan tersebut telah dilakukan dan masih giat dijalankan.

SPRM sebagai salah satu peneraju utama dalam usaha pemulihan aset menitikberatkan tindakan mendapat kembali aset/wang yang hilang hasil penyelewengan 1MDB dan beberapa syarikat lain yang terlibat.

Setiap tindakan diteruskan dengan kerjasama agensi penguatkuasa luar negara melibatkan aliran wang yang amat kompleks dan rumit.

Sejak dua tahun lalu, SPRM telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama Agensi Penguatkuasa Kuwait.

Ketika ini, SPRM masih menunggu keterangan daripada pihak di Kuwait yang dimohon menerusi Bantuan Perundungan Bersama (MLA). Perkara tersebut masih lagi dalam kajian pihak Kuwait.

Dalam pada itu, seperti kenyataan Pejabat Peguam Negara pada 16 Julai, 2022, beberapa tawaran penyelesaian oleh Jho Low melalui wakilnya kepada kerajaan Malaysia telah ditolak sepenuhnya oleh Pejabat Peguam Negara.

Semua pihak dimohon agar tidak membuat sebarang spekulasi berhubung isu ini bagi mengelakkan kekeliruan kepada masyarakat umum serta boleh menjelaskan siasatan.

**SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA  
PUTRAJAYA**

**4 SEPTEMBER 2022**



**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi** Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik,  
Kamaruddin M. Ripin (03-88700016) atau Badrila Jamlus (03-88700200)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan sebuah agensi penguatkuasaan yang ditubuhkan melalui penggalan Akta SPRM 2009 (Akta 694) bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia serta untuk memperbaiki persepsi kebebasan dan ketelusan dalam pelaksanaan fungsi-fungsi SPRM. SPRM turut disokong oleh mekanisme *check and balance* dalam menastikan SPRM bertindak selaras dengan kehendak perundungan negara dan aspirasi masyarakat. Suruhanjaya ini dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR).